



IKLAN PENGAMBILAN PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH)

KEMENTERIAN LUAR NEGERI, PUTRAJAYA

1. Bahagian Khidmat Pengurusan, Kementerian Luar Negeri ingin mempelawa Warganegara Malaysia yang berkelayakan bagi mengisi segera kekosongan Pekerja Sambilan Harian (PSH) seperti berikut :

- a) **JAWATAN** : Pekerja Sambilan Harian (PSH)
- b) **AGENSI/KEMENTERIAN** : Kementerian Luar Negeri, Putrajaya
- c) **KUMPULAN PERKHIDMATAN** : Pelaksana
- d) **KLASIFIKASI PERKHIDMATAN** : Sistem Maklumat
- e) **TEMPAT KEKOSONGAN** : Seksyen Perakaunan Pengurusan, Bahagian Akaun
- f) **KADAR UPAH** : RM 54 sehari

2. SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- a) Warganegara Malaysia
- b) Berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan
- c) Calon lantikan mestilah mempunyai kelayakan :

- sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.; atau
 - Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya ; atau
 - Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- d) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

3. CARA MEMOHON

- a) Kemukakan resume beserta gambar berukuran passport terkini dan juga salinan kad pengenalan serta sijil kemahiran yang berkelayakan ke alamat e-mail fahros@kln.gov.my atau daina@kln.gov.my
- b) Setiap permohonan yang dihantar hendaklah ditanda “ Pekerja Sambilan Harian” pada bahagian subjek e-mail.
- c) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
- d) Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas sebulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.

4. TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Tarikh tutup permohonan adalah pada **9 November 2020 (Isnin)**